**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 3888
Faks : 603-88886187
Email : kkm@moh.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR
# TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN(KESIHATAN AWAM)
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 51/2012 (16 hingga 22 Disember 2012)

*"Peningkatan Lokaliti Wabak Denggi Di Seluruh Negara"*

Sejumlah 90 lokaliti wabak Denggi telah dilaporkan berlaku sehingga 22 Disember 2012 melibatkan 22 daerah di 11 buah negeri di seluruh negara, meningkat 11 lokaliti berbanding 79 lokaliti pada minggu sebelumnya. Negeri Selangor melaporkan jumlah lokaliti wabak terbanyak iaitu 49 lokaliti, diikuti WP Kuala Lumpur & Putrajaya 15 lokaliti, Johor 7 lokaliti, Kelantan 5 lokaliti, Sarawak 4 lokaliti, masing-masing 2 lokaliti di Sabah, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah manakala masing-masing 1 lokaliti di Melaka dan Pulau Pinang. Satu (1) daripada lokaliti di WP Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai wabak tidak terkawal iaitu Kg Cheras Baru (Lorong Bukit) di Parlimen Cheras. Hasil pemeriksaan Jabatan Kesihatan mendapati tahap kebersihan di lokaliti berkenaan masih belum memuaskan apabila 40% daripada rumah yang diperiksa mempunyai pembiakan Aedes. Ini menyebabkan kes Denggi di kawasan berkenaan dilaporkan terus berlaku sehingga menjadi wabak yang tidak terkawal.

Untuk makluman, jumlah kes Denggi di Malaysia pada minggu kedua terakhir tahun 2012 masih menunjukkan tren peningkatan di mana sehingga 22 Disember 2012, sejumlah 21,444 kes Denggi dilaporkan, meningkat 1,910 kes (10%) berbanding 19,534 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Dalam pada itu, sejumlah 521 kes telah dilaporkan pada minggu ke 51, berbanding 536 kes pada minggu sebelumnya. Selangor telah menunjukkan peningkatan purata 15 kes setiap minggu sejak 6 minggu kebelakangan ini dengan 12 kematian telah dilaporkan.

Peningkatan kes dan lokaliti wabak Denggi ini perlu dipandang serius oleh semua pihak terutama masyarakat di kawasan yang sedang atau pernah mengalami wabak Denggi. Perhatian perlu diberikan kepada kebersihan kawasan persekitaran dalam dan luar kediaman supaya bebas dari sebarang bekas yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Selagi adanya tempat pembiakan nyamuk Aedes, penularan penyakit Demam Denggi akan terus berlaku dan menjangkiti lebih ramai orang. Langkah mudah dengan meluangkan hanya 10 minit seminggu untuk memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes, dapat mencegah penularan penyakit ini. Sekiranya setiap individu memainkan peranan masing-masing, kejadian Demam Denggi dapat dikurangkan.

Selain dari itu, bagi setiap daerah yang mengalami wabak Denggi, satu Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah telah ditubuhkan yang akan bermesyuarat setiap minggu sepanjang tempoh wabak dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Bagi masyarakat setempat yang mengalami wabak Denggi, sebarang masalah yang berkaitan dengan

wabak Denggi boleh disalurkan kepada jawatankuasa ini bagi memastikan tindakan bersepadu dapat diambil untuk mengatasinya.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

26 Disember 2012

**Lampiran A**

## KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 51/2012
## (16 hingga 22 Disember 2012)

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 51/2012 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 51/2011 |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Minggu 51 (16 – 22 Disember 2012) | Minggu 50 (9 – 15 Disember 2012) | | |
| 1 | Perlis | 0 | 5 | 171 (1) | 108 |
| 2 | Kedah | 15 | 17 | 804 (4) | 507 |
| 3 | P. Pinang | 16 | 16 | 773 (1) | 1,555 (3) |
| 4 | Perak | 26 | 41 | 1,687 (5) | 1,387 (2) |
| 5 | Selangor | 226 | 211 | 8,909 (12) | 7,607 (14) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 56 | 45 (1) | 1,787 (5) | 2,005 (2) |
| 7 | N. Sembilan | 12 | 13 | 536 (2) | 732 (3) |
| 8 | Melaka | 4 | 8 | 444 | 443 |
| 9 | Johor | 40 | 40 | 1,607 (1) | 1,557 (7) |
| 10 | Pahang | 13 | 16 | 629 (1) | 884 (1) |
| 11 | Terengganu | 10 | 13 | 735 | 660 (1) |
| 12 | Kelantan | 41 | 27 | 1,234 | 722 (1) |
| 13 | Sarawak | 41 | 63 | 1,469 (1) | 958 |
| 14 | Sabah | 21 | 21 | 649 (2) | 398 (2) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 10 | 11 |
| | **MALAYSIA** | **521** | **536 (1)** | **21,444 (35)** | **19,534 (36)** |

Nota: ( ) Kematian